

12 MAR 2003

DR MAHATHIR LAKUKAN LAWATAN KERJA DUA HARI KE BRAZIL MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang bercuti selama dua bulan di luar negara, akan melakukan lawatan kerja dua hari ke Brazil pada 17 dan 18 Mac.

Menurut Wisma Putra, lawatan Dr Mahathir itu, yang kedua ke negara itu, adalah atas jemputan Presiden Luiz Inacio Lula da Silva yang dilantik ke jawatan itu pada Januari tahun lepas.

Menurutnya dalam satu kenyataan hari ini, semasa lawatan itu, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan presiden baru itu buat pertama kalinya.

Lawatan itu akan memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin untuk bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai isu kepentingan bersama termasuk hubungan dua hala, pembangunan serantau dan antarabangsa.

-- BERNAMA  
MFZ MFJ RHM